

Analisis Pandangan Ulama' Fiqh Mengenai Kesan Kematian (*Al-Maut*) Terhadap Akad Jual Beli

*An Analysis of Islamic Jurisprudence Scholar' Opinions on the Effect of Death on
Sale and Purchase Contract*

Anhar Opir¹, Zanariah Noor² & Hasanulddin Mohd³

^{1,2}Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

³Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

e-mel: anhar@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Bagi mewujudkan akad yang sah dalam Islam, persetujuan antara dua belah pihak yang mempunyai keahlian (ahliyyah) dan persetujuan diasaskan atas kerelaan masing-masing. Tawaran dan penerimaan adalah salah satu elemen akad, dan kedua belah pihak perlu mempunyai hasrat untuk mewujudkan hubungan akad yang mengikat. Walau bagaimanapun, timbul persoalan dalam kes di mana salah satu pihak meninggal dunia sebelum subjek akad belum sempat diserahkan kepada pihak lagi satu. Persoalan ditimbulkan, sama ada akad batal, dan subjek akad perlu dipulangkan kepada waris-warisan ataupun akad masih dianggap sah dan subjek akad perlu diserahkan kepada pihak yang berkenaan? Adakah penjual yang lebih mempunyai hak atau pembeli yang lebih berhak? Penulis ini menggunakan teknik analisis kandungan pandangan-pandangan fuqaha berkenaan dengan isu berkenaan yang merujuk kepada kitab-kitab fiqh yang muktabar. Kajian mendapati pembeli lebih berhak terhadap barang jualan berbanding waris penjual yang telah meninggal dunia, dan kematian pembeli tidak membatalkan akad jual beli jika harga belum dijelaskan dan serahan tidak berlaku.

Kata Kunci akad, jual beli, kematian, ulama fiqh

Abstract

To make a contract in Islamic law, there must be an agreement between two parties who possess legal capacities, and it must be based on a free consent. An offer and acceptance is one of the elements of the contract, and both parties must have the intention to create a legally binding relationship. However, the questions arise in a case where one party who had formed a valid contract dies before delivering the subject to the contracting parties. There are questions of whether the contract becomes invalid, and the subject of contract must be returned to the beneficiaries or the contract is considered as valid and the subject must be delivered to the contracting party? Is the seller or buyer is considered as having more rights? This writing adopts content analysis technique which provides insight on Islamic jurisprudence scholars views on this issue. This study finds that buyer has more right to acquire the bought subject as compared to the beneficiaries of the seller who had passed away, and the death of the buyer does not invalidate the contract in the case where the amount of money has not been paid and the delivery is yet to be completed.

Keywords Islamic contract, business transaction, death, Islamic jurisprudence scholars

Pendahuluan

Akad jual beli adalah akad *lazim*, iaitu akad yang tidak boleh dibatalkan oleh satu pihak sahaja, sama ada penjual atau pembeli (Syubair, 1430H: 290-291). Akad jual beli menjadi *lazim* dengan ijab dan qabul yang dilafazkan dalam majlis akad (*majlis al-'aqd*) berdasarkan pendapat para ulama Hanafiyyah dan Malikiyyah (al-Kasani, 1982, jil. 5: 228; al-Buhuti, 1402H, jil. 3: 198).

Para ulama Shafi'iyah dan Hanabilah pula berpendapat, akad menjadi *lazim* (mengikat) apabila berlaku perpisahan di antara dua badan (*tafarruq bi al-abdan*) (al-Bujairimi, t.t: 231; al-Buhuti, 1402H, jil. 3:198). Oleh itu, akad tidak menjadi *lazim* sebelum mereka berpisah daripada majlis jual beli. Pada ketika itu, kedua-dua belah pihak, iaitu pembeli dan penjual diharuskan untuk memilih sama ada untuk meneruskan akad atau membatalkannya.

Akad jual beli menjadi *lazim* (mengikat) selepas berlakunya pertukaran milik antara barang dan wang, iaitu pembeli memiliki barang dan penjual menerima wang (al-Zarqa', 1433H: 101). Jika salah seorang daripada penjual atau pembeli meninggal dunia, kematian tersebut tidak membatalkan tanggungjawab (*iltizam*) kedua-dua belah pihak untuk menyerahkan barang atau wang. Dalam hal ini, waris kedua-dua pihak perlu melunaskan tanggungjawab serahan barang atau wang dan menunaikan segala tuntutan hak berdasarkan jumlah dari harta pusaka yang ditinggalkan.

Menurut al-Zaila'ie akad jual beli tidak terbatal dengan kematian salah seorang daripada penjual atau pembeli, bahkan ianya mesti disempurnakan dengan mengambil jumlah yang ditanggung daripada harta pusaka si mati (al-Zaila'ie, 1313H, jil. 4:124; al-Kasani, 1982, jil. 5:258; al-Sarakhsi, 1993, jil. 3: 59).

Hal ini turut dijelaskan dalam *al-Mudawwanah al-Kubra*:

Aku berkata: Apakah pendapat Imam Malik jika seseorang telah membeli kurma yang telah ditentukannya, atau susu kambing yang telah ditentukannya, atau bulunya, lalu telah mensyaratkan untuk mengambilnya dalam beberapa hari selepas itu. Kemudian salah seorang daripada penjual atau pembeli itu, atau kedua-duanya meninggal dunia. Berkata Imam Malik: Jual beli itu mesti diteruskan oleh waris mereka, kerana jual beli ini telah lengkap maka ia hendaklah disempurnakan walaupun pembeli atau penjual itu telah meninggal dunia. Ini kerana jual beli tersebut telah lazim menerusi harta kedua-duanya.

(Imam Malik, t.t, jil. 9: 6)

Ibn Rajab juga sependapat dengan para ulama al-Hanafiah dalam perkara ini. Menurutnya, di antara hak-hak yang wajib ditunaikan oleh ahli waris ialah akad jual beli yang menjadi *lazim*. Dalam hal ini, ahli waris yang akan menunaikannya bagi pihak si mati. (Ibnu Rajab, 1999: 364; Ibn Qudamah, 1405H, jil. 4 :140; al-Syirazi, t.t, jil. 1:294).

Persoalan lain yang dibangkitkan ialah, sekiranya salah seorang daripada penjual atau pembeli yang meninggal dunia itu muflis, adakah dia dianggap berkeuzuran untuk tidak melaksanakan tanggungjawabnya melakukan serahan barang atau wang?

Isu yang boleh diteliti bagi menjawab persoalan ini dapat dibahagikan kepada dua kategori:

Kategori Pertama: Penjual Meninggal Dunia dalam Keadaan Muflis

Jika seorang penjual meninggal dunia dalam keadaan muflis selepas menerima wang tetapi sebelum sempat menyerahkan barang jualan kepada pembeli, jumhur ulama dari kalangan al-Hanafiyyah, al-Malikiyyah dan al-Hanabilah berpendapat pembeli lebih berhak ke atas barang jualan berbanding semua pemberi hutang (*ghurama'*) kepada si mati. (Ibn 'Abidin, 2000, jil. 4: 564; al-Baji, 1332H, jil. 5: 91; al-Rahibani, 1961, jil. 3: 387). Ini kerana status barang tersebut telah menjadi milik pembeli, oleh itu dia adalah individu yang paling berhak terhadap barang yang telah dibelinya. Ahli waris kepada penjual yang telah meninggal dunia wajib menyerahkan barang tersebut kepada pembeli. Ini menunjukkan bahawa kematian tidak memberi kesan terhadap tanggungjawab penjual untuk menyerahkan barang jualan. Barang yang belum diserahkan merupakan amanah di tangan penjual.

Menurut Ibn Abidin sebagaimana yang dinyatakan dalam *al-Hashiyah*:

Jika seseorang penjual meninggal dunia dalam keadaan muflis selepas menerima wang dan sebelum sempat menyerahkan barang kepada pembeli, maka pembeli tersebut lebih berhak ke atas barang itu. Ini kerana penjual tidak ada hak untuk menyimpan barang itu sepanjang tempoh hidupnya, bahkan pembeli boleh memaksa penjual untuk menyerahkan barang tersebut kepadanya selagi barang itu kekal dan ada bersamanya. Begitulah juga hak pembeli diutamakan

walaupun selepas kematian penjual. Maka semua pemberi hutang tidak berhak ke atas barang jualan ini, kerana barang tersebut dianggap sebagai amanah di sisi penjual, yang sekiranya binasa maka ia di bawah tanggungjawab penjual.

(Ibn ‘Abidin, 2000, jil. 4: 564)

Pandangan ulama al-Shafi’iyyah dalam hal ini tidak dapat ditemui secara pasti. Namun, berdasarkan kenyataan al-Nawawi, pendapat mereka tidak bercanggah dengan jumhur fuqaha. al-Nawawi dalam *al-Raudhah* menyatakan:

“Sesiapa di antara kamu yang menjumpai barang kepunyaannya pada seorang muflis, maka dia paling berhak ke atas barang tersebut berbanding orang lain.”

(al-Nawawi, 1405H, jil. 4: 127)

Pendapat jumhur ulama ini adalah yang utama untuk dipilih, iaitu pembeli adalah individu yang paling berhak ke atas barang beliannya yang masih berada dalam simpanan penjual berbanding orang lain. Ini kerana barang tersebut telah menjadi milik yang sah kepada pembeli. Akad jual beli yang telah berlaku tidak terbatal dengan kematian penjual yang muflis. Bahkan, status akad jual beli masih kekal dan terpakai. Barang yang masih berada dalam simpanan penjual merupakan amanah untuk diserahkan kepada pembeli oleh ahli warisnya.

Kategori Kedua: Pembeli Meninggal Dunia dalam Keadaan Muflis

Jika seorang pembeli meninggal dunia dalam keadaan muflis sebelum menyerahkan wang kepada penjual, terdapat dua kemungkinan keadaan yang berlaku; sama ada dia meninggal dunia sebelum sempat menerima (*qabad*) barang atau dia meninggal selepas menerimanya. Penjelasan dan hukum berkaitan kedua-duanya adalah sebagaimana berikut:

Keadaan Pertama: Pembeli Belum Menerima Barang

Jika pembeli meninggal dunia dalam keadaan muflis sebelum menyerahkan wang kepada penjual dan sebelum sempat menerima barang, terdapat dua pandangan yang berbeza mengenai perkara ini:

1. Pendapat pertama ialah pendapat yang dipegang oleh ulama al-Hanafiyyah dan al-Hanabilah yang mengatakan bahawa jual beli tersebut tidak batal. Penjual berhak untuk menahan dan menyimpan barang tersebut sehingga harganya dibayar daripada harta pusaka si mati (Ibn al-Hummam, t.t, jil. 7: 206; al-Rahibani, 1961, jil. 3: 387).

Ketika menghuraikan pendapat ini, para fuqaha al-Hanafiyyah menegaskan bahawa penjual merupakan individu paling berhak terhadap barang jualan. Fuqaha al-Hanabilah pula berpendapat, hak penjual sama sahaja dengan hak kesemua pemberi hutang (*ghurama*) kepada pembeli (si mati). Oleh itu, penjual tidak boleh menahan barang jualan tersebut, kerana barang tersebut dianggap telah berpindah milik kepada waris pembeli. Walaupun begitu, ahli waris pembeli tetap wajib melunaskan bayaran yang belum diselesaikan. Oleh itu, kematian pembeli dalam keadaan muflis tidak membatalkan akad jual beli menurut pendapat ini.

Menurut pandangan ulama al-Hanafiyyah sebagaimana yang dinyatakan dalam *Majalah al-Ahkam al-‘Adliyyah* no. 296:

“Jika seseorang pembeli meninggal dunia dalam keadaan muflis sebelum menerima barang dan sebelum membuat pembayaran, maka penjual lebih berhak untuk menahan barang tersebut sehinggalah bayaran diselesaikan menggunakan harta pusaka pembeli. Dalam keadaan ini, hakim boleh menjual barang tersebut untuk menunaikan hak penjual dengan sempurna. Jika dijual dengan harga yang lebih rendah daripada harga asal, maka penjual mengambil jumlah wang yang dibayar, manakala bakinya sebagai hak bersama dengan pemberi hutang (kepada si mati). Adapun jika barang itu dijual dengan harga yang lebih tinggi daripada harga asal, maka penjual hendaklah mengambil jumlah wang yang sama nilai

dengan harga asal sahaja, manakala lebihannya hendaklah diserahkan kepada pemberi hutang.”

(Haidar, t.t, jil. 1: 238)

2. Pendapat kedua adalah pendapat yang dikemukakan oleh fuqaha al-Malikiyyah dan al-Syafi'iyah iaitu penjual lebih berhak ke atas barang jualan tersebut. Penjual juga berhak untuk membatalkan akad jual beli tersebut dengan tujuan mengekalkan fizikal barang dalam tangannya agar tiada lagi sebarang kaitan dengan hak pembeli (al-Dusuqi, jil. 3, t.t: 283; Ibn Rusyd, 1408H, jil. 2: 334; al-Qarafi, 1994, jil. 8: 176; 'Umairah, 1998, jil. 2: 365).

Merujuk kepada keadaan ini, al-Fasi daripada kalangan al-Malikiyyah menyatakan:

Barangsiapa yang menjual barang, kemudian pembeli telah muflis sebelum sempat membuat pembayaran, sementara itu barang masih berada di tangan penjual, maka dia boleh memilih mengikut kemahuannya sama ada mengambilnya dengan harga yang telah dijual, atau meninggalkannya.

(al-Fasi, t.t, jil. 2: 406)

Berdasarkan pernyataan di atas, pendapat kedua ini lebih cenderung untuk mengatakan bahawa kematian pembeli dalam keadaan muflis sebelum sempat menerima barang belian mempunyai kesan terhadap akad jual beli. Pembeli wajib dalam keadaan ini membuat pembayaran kepada penjual.

Pendapat yang *rajih* (kuat) untuk dipilih dalam keadaan ini ialah pendapat yang dipegang oleh para fuqaha al-Hanafiyyah dan al-Hanabilah yang mengatakan bahawa akad jual beli tersebut tidak batal dengan kematian pembeli dalam keadaan muflis sebelum sempat menerima barang dan sebelum membuat pembayaran. Ini kerana akad jual beli yang dilakukan adalah akad *lazim* yang tidak terbatal dengan sebab kematian salah seorang daripada kedua-dua pihak sama ada penjual atau pembeli. Dalam situasi ini, penjual berhak untuk menahan dan menyimpan barang tersebut sehinggalah harganya dilunaskan oleh ahli waris daripada harta pusaka pembeli.

Adapun pendapat yang mengatakan bahawa penjual mempunyai hak untuk membatalkan akad jual beli adalah pendapat yang ditolak, kerana barang tersebut telah menjadi milik sah pembeli. Apabila pembeli meninggal dunia, barang tersebut telah berpindah milik kepada waris si mati sebagai harta pusaka, oleh itu barang tersebut berada dalam senarai harta yang boleh dituntut oleh pemberi hutang.

Keadaan Kedua: Pembeli Telah Menerima Barang

Terdapat dua pendapat fuqaha bagi keadaan di mana pembeli meninggal dunia dalam keadaan muflis sebelum sempat membuat pembayaran tetapi telah menerima barang belian.

Mengikut pendapat pertama, status penjual adalah sama dengan status orang yang memberi hutang (*ghurama'*) kepada si mati. Akad jual beli tidak terbatal dengan kematian pembeli yang muflis. Penjual juga tidak berhak untuk menuntut barang jualan dikembalikan kepadanya. Bahkan, barang tersebut perlu dibahagikan di antara penjual dan para pemberi hutang yang lain. Pendapat ini adalah pendapat jumhur fuqaha dari kalangan al-Hanafiyyah, al-Malikiyyah dan al-Hanabilah (al-Kasani, 1982, jil. 5: 252; al-'Abdari, 1398H, jil. 5: 50; Ibn Qudamah, 1405H, jil. 4: 293).

Muhammad 'Illish menjelaskan perkara ini dalam *Manhu al-Jalil*, dengan menyatakan:

Jika seorang muflis telah membeli barang daripada seorang penjual tetapi belum membayar harganya, maka penjual tidak berhak mengambil barang tersebut jika pembeli itu telah meninggal dunia, walaupun barang itu telah musnah. Status penjual adalah sama dengan orang yang memberi hutang kepada pembeli. Berlainan pula jika seorang muflis yang masih hidup dan barang belian masih kekal dalam kuantitinya, maka penjual berhak menuntut haknya daripada pembeli.

(‘Illish, 1989, jil. 6: 60;, al-Qarafi, 1994, jil. 8: 176; al-Kharasyi, t.t, jil. 5: 281)

Ibn Muflih pula menegaskan bahawa status hak penjual adalah sama dengan status pemberi hutang yang lain.

(Status hak) penjual adalah sama dengan pemberi hutang yang lain, tiada beza sama ada penjual mengetahui pembeli telah muflis sebelum meninggal dunia atau selepasnya. Ini kerana pemilikan (barang) telah berpindah kepada waris (pembeli) yang muflis.

(Ibn Muflih, 1400H, jil. 4: 314; Ibn Qudamah, 1405H, jil. 4: 293)

Jumhur fuqaha menggunakan dua dalil bagi menyokong pendapat mereka, iaitu:

- 1) Berdasarkan riwayat daripada Abu Bakar bin Abd al-Rahman bin al-Harith bin Hisham bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَيُّمَا رَجُلٍ بَاعَ مَتَاعًا فَأَفْلَسَ الَّذِي ابْتَاعَهُ وَلَمْ يَقْبِضْ الَّذِي بَاعَهُ مِنْ تَمَنِّهِ شَيْعًا
فَوَجَدَ مَتَاعَهُ بَعِيْنِهِ فَهُوَ أَحَقُّ بِهِ وَإِنْ مَاتَ الْمُشْتَرِي فَصَاحِبُ الْمَتَاعِ أَشْوَهُ الْعُرْمَاءِ

Maksudnya: Barangsiapa yang menjual barangnya, kemudian pembeli itu muflis sebelum sempat membayar harga barang, dan penjual mendapati barang itu masih kekal seperti asalnya, maka penjual lebih berhak ke atas barang tersebut. Namun jika pembeli itu meninggal dunia maka status hak tuan barang (penjual) adalah sama dengan semua pemberi hutang.

(Abu Daud, no. hadis 3520, t.t, jil. 3: 286)

Menurut Ibn Nujaim, hadith di atas menyatakan bahawa jika seorang lelaki membeli barang, kemudian dia muflis dan meninggal dunia sedangkan barang berada di tangannya, maka hak penjual terhadap barang tersebut sama dengan hak semua pemberi pinjam yang lain, iaitu dengan maksud selepas pembeli menerima barang tersebut dengan izin penjual. (Ibn Nujaim, t.t, jil. 8: 95)

- 2) Berdasarkan prinsip pemilikan barang oleh pembeli melalui jalan akad jual beli, barang yang telah diterima oleh pembeli bukan lagi milik penjual, tetapi ia telah menjadi milik sah pembeli. Oleh sebab itu, penjual sudah tidak bertanggungjawab (*daman*) lagi ke atas sebarang risiko barang tersebut selepas akad jual beli dan serahan barang. (al-Zaila'ie, jil. 5, 1313H: 202). Oleh itu, dengan kematian pembeli maka hak pemilikan barang tersebut telah berpindah kepada ahli warisnya. Pada waktu ini, barang tersebut juga menjadi hak bersama pemberi hutang (*ghurama'*) kepada si mati.

Pendapat kedua pula mengatakan, penjual mempunyai hak untuk membatalkan akad jual beli dan seterusnya meminta untuk diserahkan kembali barang jualan tanpa melalui pihak berkuasa. Ini merupakan pendapat yang dipegang oleh fuqaha al-Shafi'iyah (al-Ghamrawi, 2011: 226).

Para fuqaha' al-Shafi'iyah berpendapat, orang yang meninggal dunia dalam keadaan muflis, hukumnya adalah sama dengan orang yang ditahan hartanya (*al-mahjur alaih*) dengan sebab muflis. Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Ramli yang mengatakan;

Dan termasuk dalam kategori hukum orang yang ditahan hartanya kerana muflis adalah seseorang yang meninggal dunia dalam keadaan muflis.

(al-Ramli, 1984, jil. 4: 336)

Berikut merupakan dalil yang digunakan oleh para ulama' al-Shafi'iyah:

- 1) Berdasarkan riwayat daripada Abu Hurairah RA yang menceritakan tentang muflis, katanya:

هَذَا الَّذِي قَضَى فِيهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّمَا رَجُلٍ مَاتَ
أَوْ أَفْلَسَ فَصَاحِبُ الْمَتَاعِ أَحَقُّ بِمَتَاعِهِ إِذَا وَجَدَهُ بَعِيْنِهِ

Maksudnya: Inilah hukum yang telah ditetapkan oleh nabi SAW; Mana-mana lelaki yang meninggal dunia atau muflis, maka pemilik barang lebih berhak ke atas barangnya jika ia masih lagi kekal wujud.

(Ibn Majah, no. hadis 2360, t.t, jil. 2: 790)

Hadis di atas menunjukkan bahawa penjual yang juga adalah pemilik barang mempunyai hak untuk membatalkan akad jual beli. Penjual juga berhak untuk mengambil semula barangnya sama ada sebelum atau selepas barang itu diterima oleh pembeli (Ibn Nujaim, t.t, jil. 8: 95; al-Dumyati, t.t, jil. 3: 67)

- 2) Berdasarkan konsep yang mengatakan bahawa akad jual beli adalah kontrak pertukaran (*mu'awadat*). Kontrak ini akan berlaku dengan sempurna hasil daripada pertukaran barang dengan wang. Ini kerana dalam akad ini penjual mendapat wang sebagai pertukaran kepada barang yang diberikan kepada pembeli (Abu Hazim, 2006: 39). Oleh itu, jika pembeli meninggal dunia dalam keadaan muflis selepas menerima barang dan sebelum menyerahkan wang, maka akad jual beli ini telah rosak dengan rosaknya barang pertukaran iaitu bayaran yang belum lagi dilunaskan. (al-Dumyati, t.t, jil. 3: 67). Oleh itu, penjual berhak untuk membatalkan akad dan meminta agar barangnya dipulangkan semula.

Selepas meneliti justifikasi dan dalil yang diberikan, pendapat jumhur fuqaha daripada al-Hanafiyyah, al-Malikiyyah dan al-Hanabilah adalah pendapat yang lebih kuat dan utama untuk dipilih. Ini berdasarkan kekuatan dalil yang mereka gunakan. Akad jual beli adalah akad yang *lazim*, maka ia tidak akan terbatal dengan kematian salah seorang daripada pembeli atau penjual. Manakala pendapat yang menyatakan bahawa penjual berhak meminta agar dipulangkan semula barangnya adalah tidak tepat, kerana ia telah menjadi milik sah pembeli. Oleh itu, dengan kematian pembeli, hak milik ini telah berpindah kepada ahli warisnya. Hak penjual yang belum mendapat bayaran pula dijamin dengan peruntukan perkongsian harta si mati bersama-sama dengan para pemberi hutang yang lain, yang juga menuntut hak mereka daripada harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati (pembeli).

Kesimpulan

Kematian salah seorang penjual atau pembeli memberi kesan terhadap akad jual beli yang telah dilakukan oleh kedua-duanya. Terdapat beberapa perbezaan pandangan para fuqaha apabila salah seorang daripada kedua-duanya meninggal dunia dalam keadaan muflis. Hukumnya juga berbeza disebabkan perbezaan keadaan yang berlaku, iaitu dengan melihat kepada siapa yang meninggal dunia, sama ada penjual atau pembeli. Jika pembeli yang meninggal dunia, hukum akan turut berbeza di antara sebelum menerima barang belian atau selepasnya.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim.

Al-'Abdari, Muhammad bin Yusuf. (1398H). *Al-Taj wa al-Iklil li Mukhtasar Khalil*. Jil. 5. Cet ke-2. Beirut: Dar al-Fikr.

Abu Daud, Sulaiman bin al-Ash'ath. (t.t). *Sunan Abi Daud*. (Tahqiq: Muhammad Muhyiddin Abd al-Hamid). Beirut: Dar al-Fikr.

Abu Hazim, Muhammad bin Abdullah. (2006). *Ahkam al-Tsaman fi 'Aqd al-Baiy' Wifq Ahkam al-Tasyri'*. Jordan: Dar al-Thaqafah.

Al-Baji, Abu al-Walid Sulaiman bin Khalaf. (1332H). *Al-Muntaqa Sharh al-Muwatta'*. Jil. 5. Mesir: Matba'ah al-Sa'adah.

Al-Buhuti, Mansur bin Yunus. (1402H). *Kasyaf al-Qina' an Matn al-Iqna'*. (Tahqiq: Hilal al-Musailihi). Jil. 3. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Bujairimi, Sulaiman bin Muhammad. (t.t). *Hashiyah al-Bujairimi ala Sharh Manhaj al-Talib*. Turkey: al-Maktabah al-Islamiah, Diyar Bakar.

- Al-Dumyati, Abu Bakar Ibn al-Sayid. (t.t). *Hashiyah I'annah al-Talibin 'ala Hall Alfaz Fath al-Mu'in*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad. (t.t). *Hashiyah al-Dusuqi ala Sharh al-Kabir*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Fasi, Muhammad bin Ahmad. (t.t). *Al-Itqan wa al-Ihkam fi Syarh Tuhfat al-Hukkam*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Ghamrawi, Muhammad al-Zuhri. (2011). *Al-Siraj al-Wahhaj ala Matn al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Haidar, Ali Khawajah Amin Afendi. (t.t). *Durar al-Hukkam Sharh Majallat al-Ahkam*. (Tahqiq dan Ta'rib: al-Muhami Fahmi al-Husaini). Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin bin Umar. (2000). *Hashiyah Radd al-Muhtar ala al-Durr al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Hummam, Muhammad bin Abd al-Wahid. (t.t). *Sharh Fath al-Qadir*. Jil. 7. Cet. ke-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. (t.t). *Sunan Ibn Majah*. (Tahqiq: Muhammad Fuad Abd al-Baqi). Jil. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Muflih, Ibrahim bin Muhammad. (1400H). *Al-Mubdi' fi Sharh al-Muqni'*. Jil. 4. Beirut: Maktab al-Islami.
- Ibn Nujaim, Zainuddin bin Ibrahim. (t.t). *Al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Cet. ke-2. Jil. 8. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad. (1405H). *Al-Mughni fi Fiqh al-Imam Ahmad Bin Hanbal al-Syaibani*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Rajab, Abdul Rahman bin Ahmad. (1999). *Al-Qawa'id*. Cet. ke-2. Mekah: Maktabah Nazzar Mustafa al-Baz.
- Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad. (1408H). *Al-Muqaddimah al-Mumahhidah*. (Tahqiq: Ustaz Sa'id Ahmad A'rab). Jil. 2. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Kasani, Abu Bakar bin Mas'ud. (1982). *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Syara'i*. Jil. 5. Cet. ke-2. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Kharasyi, Muhammad bin Abdullah. (t.t). *Al-Kharasyi 'ala Mukhtasar Sayyidi Khalil*. Jil. 5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Malik, Ibn Anas al-Asbahi. (t.t). *Al-Mudawwanah al-Kubra*. Jil. 9. Beirut: Dar al-Sadir.
- Muhammad 'Illish bin Ahmad. (1989). *Manh al-Jalil Sharh 'ala Mukhtasar Khalil*. Jil. 6. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (1405H). *Raudhah al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin*. Jil. 4. Cet. ke-2. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris. (1994). *Al-Zakhirah*. (Tahqiq: Muhammad Haji). Jil. 8. Beirut: Dar al-Gharb.
- Al-Rahibani, Mustafa bin Sa'd. (1961). *Matalib Uli al-Nuha fi Sharh Ghayah al-Muntaha*. Jil. 3. Dimasyq: al-Maktab al-Islami.
- Al-Ramli, Muhammad bin Abu al-Abbas Ahmad. (1984). *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad. (1993). *Al-Mabsut*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syirazi, Ibrahim bin Ali. (t.t). *Al-Muhazzab fi Fiqh Imam al-Syafi'ie*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Syubair, Muhammad Uthman. (1430H). *Al-Madkhal ila Fiqh al-Mu'amalat al-Maliah*. Cet. ke-2, Jordan: Dar al-Nafa'is.
- 'Umairah, Shihabuddin Ahmad (1998). *Hashiyah 'Umairah*. (Tahqiq: Maktab al-Buhuth wa al-Dirasat). Jil. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zaila'ie, Uthman bin Ali. (1313H). *Tabyin al-Haqa'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Jil. 4. Kaherah: Dar al-Kutub al-Islami.
- Al-Zarqa', Mustafa Ahmad. (1433H). *'Aqd al-Bay'*. Cet. ke-2. Dimasyq: Dar al-Qalam.